



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

BIL.24/ 2017

### TIADA PRK BAGI KERUSI DUN N.09 LENGGENG, NEGERI SEMBILAN

1. Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) pada 19 Julai 2017 telah menerima surat pemakluman rasmi daripada Speaker Dewan Undangan Negeri Sembilan, Yang Berhormat Dato' Dr. Haji Awaludin bin Said berhubung dengan kekosongan luar jangka kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) N.09 Lenggeng ekoran penyandangnya Yang Berhormat Dato' Haji Ishak bin Ismail telah meninggal dunia pada 18 Julai 2017.
2. Sehubungan dengan itu, peruntukan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan di bawah Perkara 56(5) menyatakan bahawa kekosongan luar jangka bagi kerusi DUN tidak boleh lagi diisi dalam tempoh dua tahun sebelum mandat yang diberikan kepada kerajaan negeri berakhir, melainkan Speaker memberitahu secara bertulis kepada SPR akan keperluan pengisian kekosongan luar jangka tersebut.
3. Berdasarkan surat pemakluman yang diterima, YB Speaker Dewan Undangan Negeri Sembilan tidak menyatakan keperluan untuk mengisi kekosongan luar jangka itu. Oleh itu, memandangkan tempoh mandat DUN Negeri Sembilan pada PRU Ke-13 yang telah

melebihi tempoh tiga (3) tahun dan tiada pemberitahuan oleh Speaker mengenai keperluan untuk mengisi kekosongan luar jangka itu, maka SPR memutuskan bahawa TIADA Pilihan Raya Kecil (PRK) dijalankan untuk mengisi kekosongan luar jangka bagi kerusi DUN N.09 Lenggeng, Negeri Sembilan selaras dengan peruntukan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan yang dinyatakan.

Sekian dimaklumkan dan terima kasih.

**DATO' HAJI MD YUSOP BIN HAJI MANSOR**  
Ahli Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia

PUTRAJAYA

Tarikh: 20 Julai 2017 / 26 Syawal 1438H